

Bekas CEO IIM dilantik Ketua Audit Negara baharu



**Pelantikan
Wan Suraya bagi
ganti Nik Azman
tamat kontrak
Februari lalu**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dilantik sebagai Ketua Audit Negara baharu, berkuat kuasa hari ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pelantikan itu dibuat selepas menda-

pat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan perundingan dengan Majlis Raja-Raja.

"Dimaklumkan selaras dengan Perkara 105(1) Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, memperkenankan pelantikan Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi sebagai Ketua Audit Negara berkuat kuasa mulai 13 Jun 2023.

"Pelantikan beliau adalah berdasarkan kepada kepimpinan dan pengalaman luas sepanjang 29 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tamat kontrak

Jawatan Ketua Audit Negara sebelum ini kosong hampir empat bulan selepas Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid tamat kontrak pada Februari lalu.

Malah, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum ini menggesa kerajaan segera mengisi jawatan Ketua Audit Negara dengan melantik individu berlatar belakang dalam perakaunan dan pengauditan.

Pengerusinya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin turut berharap kerajaan menghentikan amalan pelantikan bekas ketua setiausaha (KSU) kementerian bagi mengisi jawatan berkenaan.